



06 JAN, 2025

Kejuaraan suntik semangat

Harian Metro, Malaysia



Kejuaraan suntik semangat

THT sedia perbaiki prestasi permainan walaupun menang Piala Sumbangsih

Oleh Amirul Fazli Zulkafli
 sukan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kejayaan menjulang Piala Sumbangsih dilihat permulaan positif dan menaikkan motivasi pemain Pasukan Hoki Terengganu (THT) untuk mengharungi saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) musim 2025.

Ketua jurulatih THT, Mohd Harfizi Baharom berkata, mereka menentang Maybank, hari ini dan berharap setiap pemain dapat meneruskan rentak cemerlang dalam perlawanan kedua itu.

“Kalau ikutkan (menang Piala Sumbangsih) jadi sebagai aspek menaikkan moral kepada pemain.

“Kita cuba tingkatkan semula kemahiran bagi menjaringkan gol. Sebab kita ada beberapa peluang terhidang tadi (malam kelmarin), cuma tak dapat manfaatkannya,” katanya.

THT melaungkan amaran awal bagi saingan MHL musim 2025 apabila merampas Piala Sumbangsih daripada TNB selepas menang 2-1 dalam aksi pembuka tirai di Stadium Hoki Nasional 2, Bu-

kit Jalil, malam kelmarin. TNB yang dibimbing Nor Saiful Zaini Nasiruddin mendahului pada minit ke-27 melalui penalti stroke pemain import, Jang Jong Hyun.

Namun, THT menyamakan kedudukan menerusi Faizal Saari dan Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil mengesahkan kemenangan apabila menyempurnakan pukulan sudut penalti pada minit ke-37.

Walaupun memuji semangat juang pemain yang bangkit memastikan kemenangan memihak kepada mereka, Mohd Harfizi mengakui beberapa kerja harus dilakukan untuk memastikan THT tampil lebih baik daripada perlawanan pertama.

“Alhamdulillah, sebab pemain betul-betul bermain daripada awal sehingga wisel penamat dan mereka tekad dari segi mentaliti untuk menang tanpa penalti shoot-out dan mahu kemenangan bersih.

“Kalau kita tengok, ada beberapa kekurangan cuba diatasi selepas ini di dalam sesi latihan terutama daripada gabungan pemain tempatan dan import,” katanya.